

30 AUG 1999

Mahathir-Alaf (Cabaran)

MAHATHIR GESA RAKYAT M'SIA BERSEDIA HADAPI CABARAN BARU

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata rakyat Malaysia mesti bersedia menghadapi cabaran dalam alaf baru dengan memperolehi semua pengetahuan dan kemahiran seiring dengan negara yang bergerak ke arah mencapai status negara maju.

Perdana Menteri berkata beliau berpendapat bahawa generasi baru mula memahami tanggungjawab mereka.

"Itu petanda baik," kata beliau pada persidangan media semasa pelancaran "Perayaan Se Abad Malaysia Ke Alaf Baru" di Stadium Nasional di Bukit Jalil di sini malam ini.

Yang turut hadir pada persidangan media itu ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali.

Dr Mahathir ditanya mengenai ciri-ciri atau sikap yang harus diamalkan oleh rakyat Malaysia untuk menghadapi alaf baru.

Menurut Dr Mahathir, Malaysia telah melalui pelbagai pengalaman sejak 100 tahun lalu termasuk beberapa kali dijajah.

Beliau berkata tiada sesiapa pun dapat menafikan bahawa sejak negara merdeka, pembangunan Malaysia lebih pesat berbanding 100 tahun di bawah penjajahan British.

"Nampak kita punyai kebolehan mentadbir dan memajukan negara kita.

"Nampak rakyat sedia untuk bersama-sama membangunkan negara," kata Dr Mahathir.

Ketika ditanya mengenai sambutan rakyat di stadium malam ini, Dr Mahathir berkata ia sungguh "hebat."

"Kita tidak menjangka jumlah yang begitu ramai," kata beliau.

Perdana Menteri berkata kira-kira 100,000 orang memenuhi stadium sementara 20,000 orang lagi berada di luar stadium.

Secara berseloroh, beliau berkata "nampak stadium ini agak kecil."

Katanya, nampaknya tahun ini sambutan daripada orang ramai luar biasa berbanding dengan sambutan Hari Kemerdekaan di Dataran Merdeka tahun lepas.

Dr Mahathir juga berkata bilangan orang yang hadir malam ini lebih banyak berbanding jumlah pada Sukan Komanwel ke-16 tahun lepas.

Kepada soalan sama ada rakyat Malaysia bersedia menghadapi alaf baru, Dr Mahathir berkata: "Pada pendapat saya, begitulah."

Beliau berkata tuduhan kononnya generasi muda "tidak gembira atau tidak setia" tidaklah benar."

"Sesetengah daripada mereka, ya, tetapi majoriti belia Malaysia nampak gembira menyambut Hari Kebangsaan dengan menyatakan sokongan kepada kemerdekaan dan pembangunan negara.

"Sebab itu mereka berada di sini. Mereka tepuk untuk kereta Proton, bukan untuk saya," kata beliau secara berseloroh lagi.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali sebelumnya tiba di stadium dengan kereta prototaip Proton dikenali sebagai Cabriolet dengan dipandu oleh perdana menteri sendiri.

Mengenai sidang teleconference beliau dengan semua Menteri Besar dan Ketua Menteri, Dr Mahathir berkata ini menjadi petanda bahawa Koridor Raya Multimedia (MSC) menjadi realiti kerana ia membolehkan sesiapa yang bercakap mendengar serta melihat pihak yang berada di tempat lain.

Katanya, ini merupakan teknologi baru yang boleh digunakan oleh sesiapa pun walaupun berada jauh di luar negara.

Mengenai kereta Proton Cabriolet, Dr Mahathir berkata memanglah menjadi

hasrat untuk memasarkannya.

Katanya, ia akan mengambil sedikit masa "disebabkan ciri-ciri khas kereta itu."

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata apabila kereta itu dipamerkan di negara-negara lain, orang ramai akan menunjukkan minat kepada kereta itu.

Mengenai belanjawan 2000 yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat pada Oktober, Dr Mahathir berkata ia lazimnya ialah "belanjawan rakyat kerana kerajaan hanya menyediakan kemudahan yang bermanfaat untuk rakyat seperti empangan, stesen janakuasa, lapangan terbang dan Menara Berkembar Petronas."

-- BERNAMA

MAM FAZ